



Utusan

Penyebar Fikiran Rakyat

MALAYSIA

Utusan
MALAYSIA

4 | *Dalam Negeri*

ISNIN 12 FEBRUARI 2007

Malaysia hab sel induk dunia

Oleh NURUL ANUAR KARI

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Pesakit kencing manis, kanser, masalah kesuburan, kecacatan mental di kalangan kanak-kanak dan penghidap beratus-ratus jenis penyakit lain tidak perlu lagi ke Eropah untuk mendapatkan rawatan stem cell atau sel induk.

Ini kerana Malaysia bakal menjadi hab dunia dalam membekalkan sel tersebut kepada pesakit apabila satu-satunya pusat penghasilan sel berkenaan di Eropah dipindahkan ke negara ini.

Bagaimanapun, kaedah yang bakal digunakan ialah xenotransplan iaitu teknik pemindahan tisu antara spesies yang berlainan atau lebih mudah, pemindahan sel induk haiwan kepada manusia.

Pakar xenotransplan dunia, Profesor Dr. E. Michael Molnar (**gambar**) berkata, walaupun teknik itu telah 75 tahun bertapak di Eropah tetapi ia baru 30 bulan diperkenalkan di Asia.

Sel asas bagi xenotransplan diperoleh daripada arnab yang kemudian diproses untuk kegunaan pesakit

DR. E. MICHAEL MOLNAR
Pakar xenotransplan dunia

Setakat ini, katanya, lebih 300 pesakit sudah menerima rawatan sel induk itu dengan satu pertiga daripadanya adalah dari Malaysia.

Beliau berkata, teknik tersebut dijamin selamat, malah pihaknya sudah berbincang dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk mendapatkan pengesahan halal.

"Kami tidak mahu orang ramai salah faham bahawa Xenotransplan adalah sama seperti penggunaan induk tali pusat (*cord blood*) atau stem cell embrio.

"Sel asas bagi xenotransplan diperoleh daripada arnab yang kemudian diproses untuk kegunaan khusus setiap pesakit," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.



Molnar, 64, memulakan kerjaya sebagai pakar bedah pada usia 26 tahun selepas berpindah dari Amerika Syarikat dan sehingga kini telah merawat lebih 5,000 pesakit di seluruh dunia menggunakan teknik xenotransplan.

Beliau menjelaskan, kelebihan rawatan itu ialah ubat tidak diperlukan oleh pesakit selepas pemindahan sel kerana tiada penolakan tisu yang berlaku seperti dalam pemindahan organ.

Katanya, kira-kira 70 peratus kes kanak-kanak di bawah usia empat tahun menunjukkan reaksi yang baik terhadap teknik rawatan itu.

Dalam pada itu, Molnar memberitahu, xenotransplan juga berpotensi melambatkan proses penuaan manusia.

"Pemindahan *stem cell* tidak dapat menggantikan sel yang mati tetapi dapat menggalakkan pertumbuhan semula sel yang rosak," ujarnya.

Beliau berkata, teknik itu mampu memberikan tahap kesihatan yang lebih baik kepada manusia dan ini akan melambatkan proses penuaan dan juga meningkatkan kualiti hidup.